

26 AUG 1997

SULTAN BRUNEI MELAWAT ASTRO

KUALA LUMPUR, 26 Ogos (Bernama) -- Sultan Hassanah Bolkih hari ini melawat stesen radio dan tv swasta berbayar, ASTRO, di Taman Teknologi Bukit Jalil, dekat sini.

Baginda yang diiringi oleh Perdana Menteri Seri Dr Mahathir Mohamad, disambut oleh Pengerusi ASTRO Tun Haniff Omar dan Ketua Pegawai Operasi Measat Broadcast Network System Sdn Bhd, Paul Edwards.

Baginda diberi taklimat mengenai operasi stesen itu oleh pengarah Binariang Sdn Bhd, (syarikat induk ASTRO), Jamaludin Ibrahim sebelum dibawa melawat ke beberapa bahagian.

Sultan Hassanah Bolkih kini dalam rangka lawatan empat hari ke Malaysia. -- BERNAMA

MHI oba